

Memahami dasar luar

UM - 18/5/2007

Oleh AZLINARIAH ABDULLAH
(WARTAWAN UTUSAN)

Dapat difahami kenapa London dan Washington adalah negara paling awal membangunkan kedutaan Malaysia di sana. Ini kerana kedua-duanya ialah negara kuasa besar. British ialah penjajah paling akhir sebelum negara kita merdeka

LOGIK teori dalam hubungan antara-bangsa sangat jelas. Mana-mana negara yang dijajah atau masih dalam era penjajahan tidak akan boleh sama sekali menjalin hubungan antarabangsa. Maknanya, tiada hubungan dua hala sama sekali.

Ini selari dengan definisi negara itu sendiri di mana laman web bebas, Wikipedia memberinya sebagai suatu wilayah di permukaan bumi ini yang kekuasaannya sama ada politik, ketenteraan, hubungan luar, ekonomi atau budaya diatur oleh kerajaan yang berada di wilayah/negara tersebut.

Dan sebagai sebuah wilayah berdaulat, ia semestinya terdiri daripada penduduk, memiliki kuasa untuk memerintah, berkuasa pula untuk mengadakan hubungan dengan negara luar dan dalam hal-hal berkenaan ketenteraan atau keselamatan.

Maka, hanya apabila sebuah negara itu menjadi merdeka dan berdaulat, barulah hubungan antarabangsa itu boleh wujud dan dibangunkan. Ertinya dalam skop lebih meluas pula, kalau Malaysia pada tahun ini meraikan kemerdekaannya yang ke-50, dapat difahami bahawa hubungan antara-bangsa Malaysia dengan beberapa negara luar telah menginjak usia yang sama.

Kalau merdeka itu kepada banyak orang lambangnya ialah suara laungan tiga kali merdeka oleh Tunku Abdul Rahman. Simbol kepada terjalinnya hubungan luar atau antarabangsa ini pula dapat dilihat dengan terbinanya kedutaan atau konsul di negara luar.

Bukan sekadar sehalu, tetapi kedua-dua negara yang menjalin hubungan itu.

Apabila sesebuah negara itu merdeka, maka perkara pertama dilakukan ialah nyertai persatuan atau mana-mana pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan ASEAN, jika ia terletak dalam rantau tersebut. Ini kerana terdapat jaminan keselamatan dalam piagam pertubuhan-pertubuhan berkenaan.

Sementara itu, oleh kerana kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, maka, Kementerian Luar hanya wujud pada tarikh yang sama. Sebelum ini, pada tahun 1955, telah ada struktur pentadbiran tetapi pertahanan dan hal ehwal luar masih dipegang oleh British, penjajah pada masa itu.

Tetapi pada masa itu, namanya bukan Kementerian Luar seperti sekarang, sebaliknya Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, di mana Perdana Menteri akan turut sama memegang portfolio itu sehingga tahun 1966.

Apabila hubungan luar dijalin, sudah pasti perlu ada pejabat untuk menjalankan urusan dua hala dan pejabat itu dikenali dengan kedutaan.

Antara kedutaan pertama ditubuhkan selepas merdeka ialah di enam buah negara iaitu London, Washington, Jakarta,

Bangkok, New Delhi dan New York sebelum menyusul selepas itu di Canberra dan Manila. Perlu diingatkan, di negara-negara Komanwel ia dikenali sebagai Kedutaan Besar manakala di negara bukan Komanwel ia dipanggil Suruhanjaya Tinggi.

Dapat difahami kenapa London dan Washington adalah negara paling awal membangunkan kedutaan Malaysia di sana. Ini kerana kedua-duanya ialah negara kuasa besar. British ialah penjajah paling akhir sebelum negara kita merdeka. Tidak dapat tidak, banyak hal yang perlu dipelajari dari British, itulah matlamat pembinaan kedutaan Malaysia di British. Dalam pada itu, Jakarta dan Bangkok ialah kerana kedua-duanya merupakan jiran Malaysia paling dekat. Kita membuka kedutaan di New Delhi kerana India adalah paling maju dari segi ekonominya di Asia. Maka di New Delhi menjadi antara kedutaan kita paling lama dibangunkan.

Di New York pula, dapat difahami kenapa kedutaan kita ada di sana. Ini kerana di situ terdapat entiti lebih besar iaitu PBB.

Personaliti

Sehingga kini selepas merdeka 50 tahun dan hubungan luar terjalin di usia sama, terdapat 102 perwakilan di seluruh dunia termasuk kedutaan dan konsulat.

Sementara itu, ramai yang tidak tahu bahawa hubungan luar atau dasar itu ditentukan oleh perkembangan semasa, isu dalam dan luar negara selain personaliti pemimpin.

"Apabila seseorang pemimpin itu mula mentadbir atau memegang tampuk kuasa, beliau tidak akan memberitahu secara terbuka itu dan ini menjadi dasar luar mereka. Sebaliknya ia mungkin terkandung dalam ucapannya selain dapat dibaca menerusi pendiriannya sendiri.

"Sebagai contoh, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak secara terbuka menyatakan Dasar Pandang ke Timur menjadi polisi hubungan luar beliau tetapi bekas Perdana Menteri itu menyebut mengenainya dalam satu ucapan," kata Datuk Ahmad Mokhtar Selat, pensyarah di Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM) kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Beliau yang ditemui di pejabatnya berkata, begitu juga dengan beberapa Perdana Menteri terdahulu, tidak menyatakan secara terbuka berhubung dasar-dasar luar mereka.

Tetapi kata beliau yang juga bekas diplo-



Malaysiaku Gemilang

mat dan berkhidmat lama di Wisma Putra sebelum menjadi pensyarah, perkembangan hubungan luar Malaysia itu boleh sahaja dibahagikan kepada empat peringkat.

Peringkat-peringkat itu termasuk semasa Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Dr. Mahathir dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, katanya.

Semasa Perdana Menteri pertama, sudah pasti Tunku Abdul Rahman lebih pro-British. Manifesto keselamatan semasa zamannya ialah negara memeterai persetujuan Anglo-Malay Defence Agreement (AMDA). Dan kita pula pada masa itu, banyak bergantung kepada British sama ada dari segi pentadbiran, pemilihan kakitangan, ketenteraan tidak ketinggalan pendidikan.

Malahan semasa awal merdeka, ketua polis masih lagi warga British, begitu juga dalam bidang pendidikan, ramai kalangan-nya ialah British seperti Guru Besar Victoria Institution, GD Louis manakala Naib Canselor UM sendiri semasa awal merdeka ialah Gillchrist, sebelum Prof. Diraja Ungku Aziz mengambil alih teraju tersebut.

Tetapi semasa pemerintahan Tun Abdul Razak bermula pada tahun 1970, ia memamerkan sedikit perubahan dengan dasarnya lebih pro-Barat. Kalau Tunku anti-komunis dan tidak mengiktiraf China, Abdul Razak sebaliknya. Dasar Malaysia yang mengiktiraf China semasa era pemerintahan beliau diikuti oleh banyak negara-negara lain, sekali gus menjadikan kita negara ASEAN pertama berbuat demikian.

Pengiktirafan China itu dibuat dengan mengambil kira banyak perkara termasuk dunia pada masa itu bukan lagi unipolar sebaliknya tripolar. Bukan sahaja AS dan Rusia tetapi China turut muncul sebagai kuasa besar, maka tidak dapat tidak kita perlu ikut perubahan dan iktiraf China.

Di zaman Dr. Mahathir pula, dasar luar negara menjadi lebih sejagat dan menjurus



MOKHTAR SELAT

kepada hal-hal menonjolkannya sebagai aktivis. Apa yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir menjadi minat dan diikuti di seluruh dunia. Ini termasuk hal-hal alam sekitar, globalisasi serta isu-isu sejagat lain.

Sekarang, semasa Abdullah memerintah, dasar luar Malaysia lebih lembut dan tidak agresif tetapi bukan sampai kepentingan negara tidak diambil kira.

Malaysia tidak memiliki kedutaan di Israel dan Yugoslavia. Ini kerana dasar negara tidak mengiktiraf mana-mana negara yang menduduki sebuah negara lain. Malaysia pada satu masa tidak mengiktiraf dan tidak mempunyai kedutaan di Vietnam. Hanya selepas pemerintahan Hun Sen, kita membangunkan kedutaan di sana dan hasilnya hubungan Kuala Lumpur-Phnom Penh sangat baik dan memberi manfaat kedua-dua pihak.

Apa pun dasar yang diperjuangkan oleh mana-mana pemimpin di negara ini, semuanya menghala kepada satu objektif, mengukuhkan hubungan dua hala dan memberi faedah agar sama-sama menikmati.

Sebagaimana kita menghargai nikmat dan sejarah kemerdekaan negara, amat wajar untuk kita semua mensyukuri duduk letak hubungan dua hala Malaysia serta negara luar.

Ini kerana ia bertitik tolak daripada satu perkara yang jelas; hubungan luar Malaysia yang baik dan jernih itu adalah hasil daripada nikmat merdeka dikecapi 50 tahun sudah.